

# TDM, KMI Healthcare kekal taja TSG

Faizul Azlan Razak  
sukanteam@nstp.com.my



PENGAH Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin (Lapan dari kiri) bergambar bersama pasukan Terengganu Polygon Cycling Team (TSG) pada Majlis pelancaran bagi pengenalan pasukan dan jersi baru TSG bagi musim 2023. FOTO Ihsan TDM

Kuala Terengganu: TDM Berhad anak syarikat kerajaan negeri terus kekal sebagai penaja pasukan Terengganu Polygon Cycling Team (TSG) sebanyak RM500, 000 musim 2023.

Pengarah Eksekutif TDM Berhad, Najman Kamaruddin berkata, turut sama dalam penajaan adalah bahagian penjagaan kesihatan syarikat, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare).

Menurutnya, kolaborasi dengan nama-nama berpengaruh seperti TSG amat penting bagi mengetengahkan produk-produk baru atau sedia ada.

"Penajaan ini adalah pelaburan strategik yang bijak sebagai penaja dalam membawa jenama TDM dan KMI Healthcare di dalam Malaysia seterusnya dapat dikembangkan sehingga ke persada antarabangsa melalui pelbagai inisiatif bersama pasukan TSG.

"Kami berharap momentum jenama kami dapat diperluaskan lagi seiring dengan kejayaan dan anugerah yang di perolehi di peringkat TDM di tahun-tahun sebelum ini," katanya menerusi kenyataan media di sini, hari ini.

Najman berkata, rekod prestasi dan kejayaan TSG yang cemerlang dalam menakluki pelbagai kejohanan berbasikal di seluruh dunia memberi keyakinan kepada Kumpulan TDM untuk mengekalkan penajaan bagi musim 2023.

Menurutnya, pasukan TSG sekali lagi dinobatkan sebagai juara Jelajah Asia UCI, kedudukan ke-31 dunia daripada 212 pasukan profesional serta kedudukan ke-3 pasukan Benua Dunia UCI.

"Terkini, TSG berjaya memenangi jersi merah selaku Raja Bukit serta jersi putih selaku Pelumba Terbaik Asia dan Pasukan Terbaik Asia Le Tour de Langkawi edisi ke-26 Oktober 2022.

"Kejayaan ini menjadi kebanggaan kepada kami sebagai penaja dan sebagai tanda sokongan kepada pasukan yang diurustadbir oleh 90 peratus anak kelahiran Terengganu ini," katanya.

Kata Najman lagi, sebagai penaja TSG dalam bidang penjagaan kesihatan, hospital KMI Healthcare dilengkapi dengan kemudahan terkini dan disokong barisan pakar perubatan berkemahiran tinggi.

"KMI Kuala Terengganu dilengkapi dengan Pusat Fisioterapi dan Pemulihan yang boleh memberi manfaat kepada para pelumba basikal, atlet profesional dan peminat sukan dalam memulih dan mengekalkan mobiliti, fungsi dan kesejahteraan tubuh badan.

"Pihak syarikat berhasrat TSG dapat membantu mengetengahkan kemudahan ini bersama perkhidmatan penjagaan kesihatan lain kepada orang ramai," katanya.

Disiarkan pada: Januari 15, 2023 @ 6:27pm

### Artikel Berkaitan



**SUKAN LAIN**  
TSG dapat dana RM2 juta daripada Terengganu Inc [METROTV]



**SUKAN LAIN**  
TSG terima tajaan terbesar musim ini [METROTV]



**SUKAN LAIN**  
TSG berjaya kumpul tajaan RM9.3j musim 2022



**SUKAN LAIN**  
TSG sasar pasukan benua nombor satu dunia